

Bil. S 3

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TANDA PERNIAGAAN (PINDAAN), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 98
 3. Pindaan bab 4
 4. Pindaan bab 73
 5. Penggantian bab 74
 6. Pindaan Bahagian II
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TANDA PERNIAGAAN (PINDAAN), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Tanda Perniagaan (Pindaan), 2017.

Pindaan bab 2 dari Penggal 98

2. Bab 2 dari Akta Tanda Perniagaan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dengan memotong takrifan “Menteri” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Menteri” bermakna Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri;”;

(b) dengan memasukkan sejurus selepas “infringing material” takrifan baru yang berikut —

“ “Biro Antarabangsa” mempunyai makna sama seperti dalam Perkara 2(1) Protokol Madrid;

“tanda perniagaan antarabangsa (Negara Brunei Darussalam)” bermakna suatu tanda perniagaan yang berhak mendapat perlindungan di Negara Brunei Darussalam di bawah Protokol Madrid atau suatu tanda perniagaan yang ditetapkan oleh Menteri (dengan aturan-aturan yang dibuat di bawah bab 53A) sebagai tanda perniagaan antarabangsa (Negara Brunei Darussalam);

“Jurnal” bermakna Jurnal Tanda Perniagaan yang disebut dalam bab 74;

“Protokol Madrid” bermakna Protokol berhubung dengan Perjanjian Madrid mengenai Pendaftaran Tanda Antarabangsa, yang diterima pakai di Madrid pada 27hb Jun 1989, sebagaimana yang disemak atau dipinda dari semasa ke semasa.”.

Pindaan bab 4

3. Bab 4 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memotong “visually” dari baris pertama.

Pindaan bab 73

4. Bab 73 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memotong “Gazette” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Journal”.

Penggantian bab 74

5. Bab 74 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan bab baru yang berikut menggantikannya —

“Kuasa Pendaftar untuk menerbitkan jurnal

74. (1) Pendaftar boleh menerbitkan atau menyebabkan untuk diterbitkan suatu jurnal yang dipanggil Jurnal Tanda Perniagaan yang didalamnya ada diterbitkan dokumen-dokumen dan maklumat berhubung dengan suatu tanda perniagaan berdaftar atau suatu permohonan pendaftaran sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, Jurnal itu adalah jurnal rekod yang rasmi.

(3) Penerbitan yang dinyatakan di bawah Jurnal itu tidak perlu dalam bentuk berdokumen.”.

Pindaan Bahagian II

6. Bahagian II dari Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus sebelum peruntukan mengenai “Protection of Well-Known Trade Marks” peruntukan baru yang berikut —

“PERKARA-PERKARA ANTARABANGSA

Protokol Madrid dll.

Kuasa membuat peruntukan yang menguatkuasakan Protokol Madrid dll.

53A. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan untuk menguatkuasakan di Negara Brunei Darussalam peruntukan-peruntukan Protokol Madrid atau mana-mana triti, konvensyen, penyusunan atau perjanjian berhubung dengan tanda perniagaan yang Negara Brunei Darussalam adalah ahlinya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna ceraian (1), aturan-aturan itu boleh, terutamanya, dibuat untuk mengadakan peruntukan bagi —

(a) permohonan pendaftaran antarabangsa dibuat melalui Pejabat Pendaftaran sebagai pejabat asal;

(b) prosedur yang akan diikuti jika permohonan atau pendaftaran asas Negara Brunei Darussalam tidak atau terhenti daripada berkuat kuasa;

(c) prosedur yang akan diikuti jika Pejabat Pendaftaran menerima daripada Biro Antarabangsa atau mana-mana badan yang dinyatakan dalam aturan-aturan itu permintaan bagi perluasan perlindungan kepada Negara Brunei Darussalam;

(d) kesan permintaan yang berjaya bagi perluasan perlindungan kepada Negara Brunei Darussalam;

(e) pengubahan suatu permohonan pendaftaran antarabangsa, atau suatu pendaftaran antarabangsa, menjadi suatu permohonan pendaftaran nasional;

(f) penyampaian maklumat kepada Biro Antarabangsa; dan

(g) pembayaran bayaran dan amaun yang ditetapkan berkaitan dengan permohonan pendaftaran antarabangsa, perluasan perlindungan dan pembaharuan.

(3) Peruntukan boleh juga dibuat dalam aturan-aturan itu untuk mengenakan, berhubung dengan suatu tanda perniagaan antarabangsa (Negara Brunei Darussalam), peruntukan-peruntukan bab 22 dan Bahagian IV.”.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 26 haribulan Januari, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM